

Lelaki dipenjara dua tahun kerana angkut dua wanita Indonesia yang diseludup

KUCHING: Seorang lelaki berusia 55 tahun dijatuhkan hukuman penjara dua tahun oleh Mahkamah Tinggi disini, semalam selepas mengaku bersalah mengangkut dua wanita warga Indonesia yang diseludup pada April 2025.

Hakim Dato Faridz Gohim Abdullah menjatuhkan hukuman itu terhadap Padir Mohamad yang didakwa mengikut Seksyen 26J Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan boleh didenda sehingga RM250,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, Padir yang bertindak sebagai pemandu sebuah kereta didakwa telah mengangkut dua migran warga Indonesia yang diseludup sekitar jam 3.45 petang pada 15 April 2025 di simpang jalan KM45, Stungkor Baru di Lundu.

Fakta kes mendedahkan sepasukan penguat kuasa melaksanakan Ops Serkap pada hari kejadian dan memeriksa sebuah kereta di simpang jalan tersebut.

Hasil pemeriksaan mendapati kenderaan berkenaan dipandu oleh Padir dan mem-



DIPENJARA: Padir (kiri) dilihat bersama pegawai imigresen di lobi Kompleks Mahkamah Kuching semalam setelah dijatuhkan hukuman.

bawa dua migran wanita iaitu Sri Wahyuni dan Fitriani, masing-masing berusia 23 tahun yang disyaki warga-negara Indonesia.

Susulan itu, pihak berkuasa menangkap Padir bersama dua migran terbabit untuk tindakan selanjutnya.

Hasil siasatan mendapati berdasarkan semakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, terdapat rekod kemasukan lama membabitkan Sri Wah-

yuni pada 1 September 2023 di pintu masuk Biawak.

Berikutan itu, Sri Wahyuni didakwa mengikut Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 atas kesalahan tinggal lebih masa di Malaysia.

Sementara tiada rekod kemasukan ke Malaysia bagi Fitriani, justeru dia telah didakwa mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana masuk dan

tinggal di Malaysia tanpa dokumen perjalanan sah.

Mahkamah seterusnya menjatuhkan hukuman yang sewajarnya ke atas kedua-dua wanita tersebut setelah mereka mengaku bersalah melakukan kesalahan berkenaan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kong Siew Chuo, sementara Padir diwakili peguam Abdul Rahman Mohamad Hazmi.